

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Thursday, 16 March, 2017 12:46 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Hanizaton Bt Hassan
Subject: SESI DIALOG PELAJAR PASCA SISWAZAH (SAMBILAN) BERSAMA DEKAN SBM



Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



16 Mac 2017 | 17 Jamadilakhir 1438H
=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

SESI DIALOG PELAJAR PASCA SISWAZAH (SAMBILAN) BERSAMA DEKAN SBM



Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) telah menganjurkan sesi dialog antara Pengurusan SBM dengan para pelajar pasca siswazah (sambilan) bertempat di Dewan Seminar, Bangunan SOC baru-baru ini.

Dalam ucapan perasmianya, Dekan SBM, Profesor Dr. Haim Hilman bin Abdullah berkata tujuan utama sesi dialog berkenaan diadakan adalah bertujuan merapatkan jurang antara pihak pengurusan dengan para pelajar dan menegaskan bahawa sesi ini seharusnya digunakan sepenuhnya oleh para pelajar bagi mengenali pihak pengurusan dan begitu juga sebaliknya.

“Sesi dialog ini merupakan satu wadah kepada para pensyarah, penyelia dan pelajar pasca siswazah untuk mengemukakan sebarang isu, pandangan atau cadangan yang boleh membantu memantapkan lagi kualiti pengurusan dan penyeliaan para pelajar pasca siswazah di UUM demi mencapai hasrat Universiti untuk meningkatkan bilangan pelajar pasca siswazah yang bergraduat tepat pada masanya (GOT),” katanya.

Tambahnya, SBM juga berharap agar sesi dialog ini akan dapat dimanfaatkan ke arah mengukuhkan lagi kecemerlangan pendidikan pelajar pasca siswazah SBM khasnya dan UUM amnya.

Pada sesi dialog tersebut, seramai hampir 30 pelajar pasca siswazah hadir dan mengutarakan pelbagai cadangan serta isu yang berkaitan dengan pengajian dan kebajikan pelajar. Turut hadir ialah Timbalan Dekan, Prof. Madya Dr. Fais Ahmad, ketua-ketua jabatan, penyelarar-penyelarar program dan staf sokongan SBM.

Tamat.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.